

**ANALISIS KEUNTUNGAN PERBANKAN ISLAM  
DI MALAYSIA DENGAN TUMPUAN KEPADA  
PENGURUSAN ASET DAN LIABILITY**

**HADENAN TOWPEK**

Perpustakaan Universiti Malaya



A511113930

**JABATAN SYARIAH DAN EKONOMI  
BAHAGIAN PENGAJIAN SYARIAH  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2002**

**ANALISIS KEUNTUNGAN PERBANKAN ISLAM  
DI MALAYSIA DENGAN TUMPUAN KEPADA  
PENGURUSAN ASET DAN LIABILITI**

**HADENAN TOWPEK**

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN  
UNTUK MEMENUHI KEPERLUAN  
IJAZAH SARJANA SYARIAH**

**JABATAN SYARIAH DAN EKONOMI  
BAHAGIAN PENGAJIAN SYARIAH  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2002**

## **ABSTRAK**

HADENAN TOWPEK. ANALISIS KEUNTUNGAN PERBANKAN ISLAM DI MALAYSIA DENGAN TUMPUAN KEPADA PENGURUSAN ASET DAN LIABILITI. Disertasi Sarjana Syariah, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2002.

Kajian disertasi ini menyentuh tentang konseptualiti dan signifikansi konsep keuntungan dalam pelbagai perspektif termasuklah perspektif ekonomi tulen, ekonomi Islam, perbankan konvensional dan perbankan Islam. Fungsi dan pengaruh konsep ini amat signifikan sehinggakan ia ditanggapi sebagai kayu pengukur bagi pencapaian matlamat dalam pertimbangan berekonomi. Kajian disertasi ini meneliti terperinci kadar keuntungan dalam perbankan dwi-sistem di Malaysia dalam suasana perubahan kadar faedah pasaran. Pendekatan yang dibuat dengan mengenalpasti formulasi strategik segmen-segmen dalam pengurusan aset dan liabiliti dalam perbankan dwi-sistem yang mampu menjanakan margin-margin keuntungan yang optimum dalam apa jua suasana kadar faedah sekalipun. Bagi perbankan konvensional yang mengaplikasikan kadar faedah terapan boleh mencipta keuntungan yang diinginkan dalam suasana kadar faedah melambung maupun menurun, menerusi semakan dan penyelarasan segmentasi dalam pengurusan aset dan liabiliti. Sementara perbankan Islam pula yang berkecenderungan mengamalkan kadar keuntungan tetap bertindak lebih berhati-hati dalam menstrategikan formulasi segmentasi dalam pengurusan aset dan liabiliti sama ada ketika faedah tinggi ataupun rendah. Kajian ini mendapati perbankan konvensional hanya menekankan motif keuntungan semata-mata dan perbankan Islam pula juga mengambilkira motif keuntungan berkesampingan dengan faktor agama.

## **PENGHARGAAN**

*Alhamdulillah*, saya bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurniaNya memberikan *tawfiq* dan *hidayah* serta *inayah*Nya kepada saya sehingga saya dapat menyempurnakan kajian tesis ini.

Pertama-tamanya saya mengucapkan berbilang-banyak terima-kasih dan rasa terutang budi kepada penyelia saya, Dr Joni Tamkin Borhan, pensyarah di Jabatan Syariah dan Ekonomi merangkap Ketua Jabatan Syariah dan Pengurusan, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, atas bimbingan semasa saya menyiapkan Ijazah Sarjana Syariah.

Saya juga mengucapkan ribuan terima-kasih kepada pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan di Perpustakaan-perpustakaan Universiti Malaya, Perpustakaan Pusat Islam dan Perpustakaan Negara yang banyak membantu saya semasa menjalankan kerja-kerja penyelidikan tesis ini.

Ucapan terima-kasih dan penghargaan juga saya rakamkan kepada semua orang perseorangan di institusi-institusi serta pihak-pihak tertentu dalam memberikan kemudahan kepada saya bagi mendapatkan segala keperluan dan bantuan sehingga saya layak menerima anugerah Sarjana Syariah.

Sokongan dan doa daripada semua pihak terutamanya ayahanda Towpek Sanot dan bonda Rehan Sebeli serta seisi keluarga, dan rakan-rakan seperjuangan, menjadi ilham dan inspirasi saya untuk menyiapkan kajian tesis ini. Tidak lupa kepada Cik Suhana Sarkawi yang banyak membantu dalam apa jua aspek sekalipun dan saya ucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima-kasih.

Hadenan Towpek  
164 Kampung Tengah Gedong  
94700 Serian, Sarawak  
hadenant@yahoo.com

## DAFTAR ISI

HALAMAN TAJUK	
ABSTRAK	i
PENGHARGAAN	ii
DAFTAR ISI	iii
SISTEM TRANSLITERASI	viii
SENARAI KEPENDEKAN	ix
SENARAI RAJAH, JADUAL, GRAF DAN LAMPIRAN	xi
PENDAHULUAN	ix
I.    Pengertian Tajuk	ix
A. Analisis Keuntungan	ix
B. Perbankan Islam di Malaysia	x
C. Pengurusan Aset dan Liabiliti	x
II.   Tinjauan Literatur	xi
III.  Kepentingan Kajian	xii
IV.  Objektif Kajian	xiii
V.   Skop Kajian	xiv
VI.  Metodologi Kajian	xv
A. Metod Pengumpulan Data dan Fakta	xv
B. Metod Penanalisaan Data dan Fakta	xvii
Nota Hujung	xviii

### **BAB 1: KONSEP ASAS KEUNTUNGAN**

---

1.0	Pengenalan	1
1.1	Pendahuluan	1
1.2	Definisi	2
1.3	Sejarah Konsep	5
1.4	Pandangan Kontemporari	8
1.5	Asas Pertimbangan Dalam Pengiraan Keuntungan	10
1.6	Peranan Untung	14
1.7	Persepsi Terhadap Untung Sebagai Sistem Ganjaran	16
1.7.1	Ganjaran Kepada Risiko dan Ketidakpastian	16
1.7.2	Ganjaran Kepada Perubahan atau Inovasi	16
1.7.3	Ganjaran Kepada Kuasa Monopoli	17
1.8	Untung Sebagai Ganjaran Keahlian Keusahawanan	17
1.9	Untung Sebagai Mekanisme Sistem Motivasi	19

1.10	Keuntungan Dalam Struktur-struktur Pasaran	20
1.10.1	Pasaran Persaingan Sempurna	21
1.10.2	Pasaran Monopoli	22
1.10.3	Pasaran Persaingan Bermonopoli	24
1.10.4	Pasaran Oligopoli	25
1.11	Pemaksimuman Keuntungan	26
1.11.1	Perbandingan Hasil Total dan Kos Total	26
1.11.2	Perbandingan Hasil Sut dan Kos Sut	27
1.12	Hipotesis Pemaksimuman Untung	28
1.13	Andaian Keuntungan Dalam Kegiatan Firma	30
1.13.1	Untung Normal dan Lebih Normal	30
1.13.2	Untung Kurang Normal	31
1.13.3	Tutup Firma	32
1.14	Penutup	33
	Nota Hujung	34

## **BAB 2: KEUNTUNGAN DARI PERSPEKTIF ISLAM**

---

2.0	Pengenalan	41
2.1	Pendahuluan	41
2.2	Definisi-definisi	42
2.2.1	Dari Segi Bahasa	42
2.2.2	Dari Segi Istilah	42
	A. Pengertian Untung Menurut Ahli Tafsir	42
	B. Pengertian Untung Menurut Fuqahā'	46
	i. Pengertian Untung Dari Aspek <i>Fiqh al-Zakāt</i>	46
	ii. Pengertian Untung Dari Aspek <i>Fiqh al-Mu'āmalāt</i>	52
	a. Kefahaman Keuntungan Dalam <i>Bāy' al-Murābahah</i>	52
	b. Kefahaman Keuntungan Dalam <i>Syarikah al-Muḍārabah</i>	53
	C. Takrif Yang Dipilih	54
2.3	Istilah-istilah Yang Berkaitan	57
2.3.1	Modal	57
2.3.2	<i>Al-Namā'</i>	58
2.3.3	<i>Al-Ghallah</i>	59
2.3.4	<i>Al-Fā'idah</i>	60
	□ Justifikasi	62
2.4	Pensyariatan Untung	64
2.4.1	Pendalilan Syarā' <sup>c</sup>	65
	A. <i>al-Qur'ān</i>	65
	B. <i>al-Sunnah</i>	68
	C. <i>Ijmā'</i>	70

2.4.2	Hukum Secara <i>Ijmāli</i>	72
2.5	Ciri-ciri Keuntungan Menurut Fiqh Islam	75
2.5.1	Bebas daripada <i>Ribā</i>	76
	A. Pengertian <i>Ribā</i> Dari Sudut Bahasa	76
	B. Larangan ke Atas <i>Ribā</i>	80
	C. Klasifikasi <i>Ribā</i>	89
2.5.2	Bebas daripada <i>al-Ghibn al-Fāhisy</i> Bersama <i>al-Taghrīr</i>	91
	A. Takrifan Dari Segi Bahasa	91
	B. Bahagian-bahagian <i>al-Ghibn</i>	92
	□ Justifikasi	95
	C. Kesan-kesan <i>al-Ghibn</i> Terhadap Akad	96
2.5.3	Bebas Daripada Unsur <i>Al-Gharar</i>	98
	A. Takrifan Dari Segi Bahasa dan Istilah	98
	B. Dalil Pengharaman <i>Al-Gharar</i>	100
	C. Bahagian-bahagian <i>Al-Gharar</i>	102
	D. Kesan <i>Al-Gharar</i> Terhadap Akad	103
2.5.4	Bebas Daripada Unsur <i>Al-Ihtikār</i>	104
	A. Takrifan Dari Segi Bahasa dan Istilah	104
	B. Hukum <i>Al-Ihtikār</i>	105
	C. Syarat-syarat <i>Al-Ihtikār</i>	107
2.6	Penutup	108
	Nota Hujung	109

### **BAB 3: PERBANKAN ISLAM DI MALAYSIA**

3.0	Pengenalan	134
3.1	Definisi	134
3.2	Latar Sejarah Perbankan Islam	135
	3.2.1 Zaman Awal Islam dan Zaman Moden	135
	3.2.2 Perbankan Islam di Malaysia	140
3.3	Konsep dan Teori Perbankan Islam	146
3.4	Model Pelaksanaan Perbankan Islam	150
3.5	Perbezaan Utama Perbankan Islam dan Perbankan Konvensional	152
3.6	Ciri-ciri Sistem Perbankan Islam di Malaysia	159
	3.6.1 Pelbagai Instrumen	160
	3.6.2 Jumlah Institusi Yang Banyak	162
	3.6.3 Mekanisme Hubungan	167
3.7	Pencapaian Perbankan Islam di Malaysia	169
3.8	Penutup	174
	Nota Hujung	175

#### **BAB 4: KEUNTUNGAN DALAM SISTEM PERBANKAN ISLAM**

4.0	Pengenalan	186
4.1	Pendahuluan	186
4.2	Asas Penjanaan Keuntungan	188
4.3	Kedudukan Keuntungan Dalam Aspek-aspek Asas Dalam Perbankan Dwi Sistem	192
4.3.1	Falsafah dan Etika	192
4.3.2	Objektif	194
4.3.3	Fungsi	199
	A. Kemampuan Membayar Hutang ( <i>Solvency</i> )	200
	B. Mengekalkan Kecairan ( <i>Liquidity</i> )	200
	C. Motif Keuntungan	201
4.3.4	Sumber Pendapatan dan Aplikasi	204
4.3.5	Motif Pelanggan	208
	A. Keselamatan dan Risiko	208
	B. Kadar Pulangan	209
	C. Kadar Faedah	209
	D. Mudah Tunai	209
	E. Cukai	210
4.3.6	Pengurusan Produk	211
4.3.7	Persepsi Terhadap Faedah	215
4.4	Aplikasi Model Dalam Penjanaan Keuntungan	220
4.4.1	Pengenalan	220
4.4.2	Model-model Yang Digunakan	224
	A. Model $TR - TC$	224
	B. Model $MR - MC$	228
4.4.3	Pemaksimuman Keuntungan	230
4.5	Penutup	232
	Nota Hujung	233

#### **BAB 5: FALSAFAH DAN STRATEGI PENGURUSAN BANK**

5.0	Pengenalan	239
5.1	Pendahuluan	239
5.2	Kedudukan Bank Dalam Sistem Kewangan	242
5.3	Evolusi Falsafah Pengurusan Bank	245
5.3.1	Teori Mata Wang	246
5.3.2	Teori Pinjaman Perdagangan	246
5.3.3	Teori Boleh Anjak ( <i>Shitability Theory</i> )	247
5.3.4	Teori Pendapatan Dijangka	249
5.3.5	Teori Pengurusan Liabiliti	249
5.3.6	Teori Model Komputer	250

5.4	Pendekatan Moden: Interaksi Aset-Liabiliti	252
5.4.1	Pengenalan	252
5.4.2	Analisis Jurang ( <i>Gap Analysis</i> )	254
	A. Analisis Jurang Dana Kosong	257
	B. Analisis Jurang Dana Positif	258
	C. Analisis Jurang Dana Negatif	259
5.4.3	Aplikasi Analisis Jurang	259
	A. Polisi Terbaik	260
	B. Menjana Keuntungan	262
	C. Meminimakan Kerugian	264
5.5	Penutup	266
	Nota Hujung	267

## **BAB 6: ANALISIS KEUNTUNGAN PERBANKAN ISLAM DALAM PENGURUSAN ASET-LIABILITI**

---

6.0	Pengenalan	272
6.1	Pendahuluan	273
6.2	Analisis Jurang Dalam Perbankan Islam	275
6.2.1	Implikasi BBA Sebagai FRA Dalam Perbankan Islam	277
6.2.2	Peningkatan Kadar Faedah	278
6.2.3	Pengusutan Keuntungan Dalam Jualan BBA	280
6.2.4	Penurunan Kadar Faedah	284
6.3	Bukti-bukti Empirik	288
6.4	Kesimpulan Dan Cadangan	293
	Nota Hujung	296

## **PENUTUP** **298**

---

## **BIBLIOGRAFI**

---

## **LAMPIRAN**

---

## SISTEM TRANSLITERASI

### Consonan

Huruf Arab	Transkripsi	Huruf Arab	Transkripsi
ا	a	ظ	z
ب	b	ع	‘i
ت	t	غ	gh
ث	th	ف	f
ج	j	ق	q
ح	ḥ	ك	k
خ	kh	ل	l
د	d	م	m
ذ	dh	ن	n
ر	r	و	w
ز	z	ه	h
س	s	ي	y
ش	sh	ة ...	at *
ص	ṣ	ة	ah **
ض	ḍ	ات ...	āt
ط	ṭ	ال	al

dalam bentuk sambung seperti *sunnat al-Rasul* [سنة الرسول]

seperti *sunnah* [سنة]

### Vowel dan Diftong

#### Vowel Panjang

ا / ā

و / ū

ي / ī

#### Vowel Pendek

ا / a

و / u

ي / i

#### Diftong

و / aw

ي / uy

## KEPENDEKAN

AC <sub>L</sub>	Kos Purata Pengeluaran
ALM	<i>Asset-Liability Management</i>
AMMB	Arab Malaysian Malaysia Berhad
ARABIC	Perbadanan Bank dan Pelaburan Al-Rajhi
BAFIA 1989	Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989
BBA	<i>al-Bāyʿ Bithaman Ajil</i>
BBMB	Bank Bumiputera Malaysia Berhad
BIMB	Bank Islam Malaysia Berhad
BIMH	Bank Islam Malaysia Holding
BLR	Kadar Pinjaman Asas
BNM	Bank Negara Malaysia
Cet.	Cetakan
C <sub>L</sub>	Kos Bagi Pengeluaran Pinjaman
CRR	<i>Constant Rate of Return</i>
DEB	Dasar Ekonomi Baru
FBI	Pendapatan Berasaskan Tabungan ( <i>Fund Based Income</i> )
FRAs	Kadar Aset Tetap ( <i>Fixed-Rate Assets</i> )
FRLs	Kadar Liabiliti Tetap ( <i>Fixed-Rate Liabilities</i> )
h.	Halaman
IBD	Bahagian Perbankan Islam ( <i>Islamic Banking Division</i> )
IBF	Dana Perbankan Islam ( <i>Islamic Banking Fund</i> )
IBU	Unit Perbankan Islam ( <i>Islamic Banking Unit</i> )
IDB	Bank Pembangunan Islam
IIMM	Pasaran Wang Antara Bank Secara Islam
IMF	Dana Wang Antarabangsa ( <i>International Monetary Fund</i> )
Jil.	Jilid

KNK	Keluaran Negara Kasar
KDNK	Keluaran Dalam Negara Kasar
LUTH	Lembaga Urusan dan Tabung Haji
MC	Kos Sut ( <i>Marginal Cost</i> )
MR	Hasil Sut ( <i>Marginal Revenue</i> )
NFBI	Pendapatan Bukan Berasaskan Tabungan ( <i>Non Fund Based Income</i> )
OIC	Pertubuhan Negara-negara Islam
PPS	Pasaran Persaingan Sempurna
RC	Kos-kos Sumber Dana ( <i>Resource Costs</i> )
RP	Risiko Premium
RM	Ringgit Malaysia
RME	Rancangan Malaysia Keenam
SAMA	Agensi Kewangan Arab Saudi
SPI	Sistem Perbankan Islam
SPK	Sistem Perbankan Konvensional
SPTF	Skim Perbankan Tanpa Faedah
TC	Jumlah Kos
TR	Jumlah Hasil
UAE	Emiriah Arab Bersatu
VRAs	Kadar Aset Berubah ( <i>Variable-Rate Assets</i> )
VRLs	Kadar Liabiliti Berubah ( <i>Variable-Rate Liabilities</i> )

## **SENARAI RAJAH, JADUAL, GRAF DAN LAMPIRAN**

### **SENARAI RAJAH**

---

1.1: Harga Dalam Pasaran Persaingan Sempurna	22
1.2: Harga Dalam Pasaran Monopoli	23
1.3: Keluk Permintaan Dalam Pasaran Persaingan Monopolistik	24
1.4: Keuntungan Luar Biasa dan Keuntungan Normal	31
1.5: Meminimumkan Kerugian	32
1.6: Menutup firma dan menghentikan kegiatan	33
4.1: Hubungan Antara Sektor Lebihan, Pihak Pengantara dan Sektor Defisit	187
4.2: Kontrak-kontrak Perdagangan dalam Perbankan Islam	219
4.3: Pemaksimuman Keuntungan: Model TR – TC	226
4.4: Pemaksimuman Keuntungan: Model MR – MC	229
5.1: Tiga Kategori Dalam Pengantara Kewangan	242
6.1: Penjanaan Keuntungan Daripada Dana	274

### **SENARAI JADUAL**

---

1.1: Kuantiti Keluaran, Kos Pengeluaran dan Hasil Penjualan	27
4.1: Asas Kunci Kira-Kira Perbankan Konvensional	189
4.2: Asas Kunci Kira-Kira Perbankan Islam	192
4.3: Panduan Prinsip SPTF Dan Amalan Konvensional Di BBMB	207
4.4: Jadual Akaun-T Perbankan Konvensional	212
4.5: Jadual Akaun-T Perbankan Islam	213
4.6: Hubungan Antara Kadar Risiko Pinjaman, Kadar Pinjaman Asas (BLR), Premium Risiko dan Kadar Pinjaman	217
5.1: Hubungan Aset-Liabiliti Dalam Analisis Jurang	256
5.2: Jurang Dana Kosong	258
5.3: Jurang Dana Negatif	259

5.4 :	Bandingan Jurang Dana Negatif Dalam Perubahan Kadar Faedah Yang Menurun	266
6.1 :	Struktur Aset-Liabiliti Perbankan Islam	276
6.2 :	Aliran Kadar Faedah Menaik, 1995-1997	279
6.3 :	Kadar Faedah Dalam Suasana Normal	281
6.4 :	Kadar Faedah Meningkatkan	282
6.5 :	Kadar Faedah Menurun	285
6.6 :	Aliran Kadar Faedah Menurun, 1997-2001	287
6.7 :	Kadar Faedah: Bank Perdagangan, 1995-2001	289
6.8 :	Jumlah Deposit, Jumlah Pembiayaan dan Nisbah Pembiayaan-Deposit, 1995-2001	291
6.9 :	Skim Perbankan Islam: Kadar Pulangan Kepada Penyimpan, 1995-2001	292

#### **SENARAI GRAF**

---

6.1 :	Kadar Faedah: Bank Perdagangan	290
-------	--------------------------------	-----

#### **SENARAI LAMPIRAN**

---

3.1 :	Majlis Pengawasan Syariah BIMB Holding Bhd Kewangan Islam
3.2 :	Majlis Penaasih Syariah Kebangsaan Bagi Perbankan Islam dan Takaful, Bank Negara Malaysia
3.3 :	Senarai Produk Perbankan Islam
3.4 :	Perbankan Islam: Institusi Bagi Tempoh 1995-2001
3.5 :	Ciri-ciri Mekanisme Pelaburan Antara Bank Secara Islam
4.1 :	Sumber dan Aplikasi Dana (Perbankan Konvensional)
4.2 :	Sumber Dana, Penggunaannya dan Pengagihan Keuntungan (Perbankan Islam)
4.3 :	Jadual Faktor Anuiti

A decorative frame with intricate scrollwork and floral motifs, centered on the page. The word "PENDAHULUAN" is written in a bold, serif font across the middle of the frame.

**PENDAHULUAN**

## PENDAHULUAN

### I. Pengertian Tajuk

Kajian ini bertajuk analisis keuntungan perbankan Islam di Malaysia dengan tumpuan kepada pengurusan aset dan liabiliti. Kajian ini secara umumnya boleh difahami dan dimengertikan dengan mengupas tiga perkara pokok daripada tajuk kajian sebagaimana berikut:

#### A. Analisis Keuntungan

Analisis Keuntungan merupakan satu teknik ekonomi dalam memberi huraian dan penjelasan berhubung dengan kapasiti sesebuah institusi itu menjana keuntungan dalam projek-projek tertentu dan potensi masa depan.<sup>1</sup> Istilah keuntungan adalah merujuk kepada hasil pendapatan atau perolehan daripada suatu kegiatan (seperti perusahaan, perniagaan dan lain-lain) yang melebihi modal dan segala perbelanjaan yang berkaitan.<sup>2</sup> Untung adalah sinonim dengan perkataan laba<sup>3</sup> dan disebut sebagai *profit* dalam bahasa Inggeris.<sup>4</sup> Untung juga diterjemahkan sebagai suatu jumlah yang ditolak daripada kos tetap dan kos berubah, yang diperolehi daripada jualan. Dengan perkataan lain, untung adalah lebih daripada pendapatan selepas ditolak daripada perbelanjaan dan kos.<sup>5</sup>

Manakala dalam bahasa Arab, perkataan untung disebut sebagai *al-ribh* yang dimengertikan sebagai pertambahan atau pertumbuhan dalam perniagaan. Takrifan ini dapatlah dirumuskan bahawa untung itu menurut bahasa Arab ialah lebihan dan pertambahan ke atas modal sebagai natijah daripada usaha dalam aktiviti-aktiviti perniagaan.<sup>6</sup>

## **B. Perbankan Islam di Malaysia**

Perbankan Islam didefinisikan sebagai perbankan yang selaras dengan sistem nilai dan etos Islam,<sup>7</sup> dalam konteks sebagai pertubuhan yang terlibat secara langsung dengan amalan kewangan yang berdasarkan syariah Islam dan menggunakan kaedah-kaedah fiqh.<sup>8</sup> Gambaran ini menjelaskan perbankan Islam sebagai pertubuhan kewangan yang mengumpul dana dan menjalankan operasinya dalam lingkungan syariah Islam dengan tujuan membina kesatuan masyarakat Islam bagi merealisasikan keadilan pengagihan serta menggunakan dana-dana itu berlandaskan Islam.<sup>9</sup>

Dalam konteks Malaysia, konsep perbankan Islam telah terakam dalam liputan sejarah negara sebagaimana tercatat dalam buku *Sejarah Melayu*<sup>10</sup> dan *Tuhfat al-Nafis*.<sup>11</sup> Dalam perspektif yang lebih moden terutamanya selepas negara mencapai kemerdekaan menyaksikan penubuhan Lembaga Urusan Tabung Haji,<sup>12</sup> yang kemudiannya menjadi inspirasi kepada penubuhan Bank Islam Malaysia Berhad, Syarikat Takaful dan pelancaran Skim Perbankan Tanpa Faedah serta Bank Muamalat.

## **C. Pengurusan Aset dan Liabiliti**

Pengurusan Aset-Liabiliti merujuk kepada suatu istilah yang mencakupi proses penentuan saiz dan komposisi terhadap aset, liabiliti dan modal bank yang mana dapat mempersembahkan pencapaian terbaik dalam menepati objektif-objektif bank. Objektif-objektif ini biasanya melibatkan tugar-ganti (*trade-off*) antara pencapaian kadar keuntungan paling tinggi dalam bentuk margin faedah, berbanding dengan tahap risiko yang boleh diterima (munasabah) dalam bentuk mudahtunai faedah dan kadar matawang (*currency*) dan risiko kredit.<sup>13</sup>

Pendekatan *ALM* secara kualitatif yang popular ialah analisis jurang (*gap analysis*) yang merujuk kepada satu analisis yang dicipta bagi mengukur kadar faedah bank yang terdedah pada risiko dan digunakan secara meluas dan berterusan oleh bank. Ia menekankan kepada pengurusan dan pengendalian jenis aset atau harta dan liabiliti atau tanggungan, yang bersifat lebih sensitif kepada perubahan kadar faedah semasa. Ini menggambarkan bahawa analisis ini menjangkakan kesan-kesan daripada kadar faedah pendapatan dengan mengandaikan pecahan aset dan liabiliti dengan kadar faedah yang bersifat bolehubah (*adjustable-interest*), iaitu sama ada menaikkan atau menurunkan kadar faedah bank agar selari dengan kadar faedah pasaran dalam jangkauan perancangan bank.<sup>14</sup>

## **II. Tinjauan Literatur**

Kajian berhubung dengan konsep keuntungan sebagai satu subjek kajian tidak banyak diperbincangkan. Bagi segelintir sarjana ekonomi,<sup>15</sup> mana-mana bidang dalam ekonomi boleh dihubungkan dengan aspek keuntungan. Ia bukan sahaja diandaikan menjadi objektif perniagaan, sumber pendapatan dan elemen yang mendominasi dalam penawaran modal, malah ia juga boleh dijalinan dengan kebanyakan model ekonomi baik dalam bentuk mikro maupun makro.

Sehubungan dengan itu penulis mendapati sedikit sahaja kajian dan penyelidikan mengkhusus mengenai konsep keuntungan perbankan Islam. Walau apa pun, konsep keuntungan perbankan masih mendapat perhatian dalam polimik sarjana ekonomi barat maupun Islam. Dr. Volker Nienhaus,<sup>16</sup> beliau menegaskan bahawa untung bersih bank Islam termasuklah saham pendeposit tidak boleh disamakan sepenuhnya dengan untung bersih bank konvensional.

Dalam sebuah artikel yang lain,<sup>17</sup> beliau berpendapat hubungan interaksi untung bank Islam dengan kaedah faedah bank konvensional adalah hubungan secara positif. Beliau menyatakan bahawa dalam pelaksanaan operasi perbankan jangka panjang, nisbah pengenaan bunga adalah lebih berjaya berbanding dengan bank Islam. Reaksi balas daripada artikel itu, beberapa sarjana ekonomi Islam memberi kritikan termasuklah Dr. Muhammad Nejatullah Siddiqi,<sup>18</sup> Mohamad Fahim Khan<sup>19</sup> dan Dr. Ziauddin Ahmad.<sup>20</sup> Ketiga-tiga sarjana ini mengemukakan pandangan melalui tajuk dan jurnal yang sama tapi berlainan keluaran. Sementara Sudin Haron,<sup>21</sup> lebih cenderung membincangkan aspek-aspek luaran yang memberi kesan terhadap perolehan keuntungan bank Islam.

Sementara Shamsiah Mohamad,<sup>22</sup> berkecenderungan membuat kajian perbandingan konsep keuntungan dari perspektif Islam dan konvensional dengan tumpuan kepada ciri-ciri dan asas penentuan keuntungan dalam institusi kewangan. Bagi Fathiah bt Fathil<sup>23</sup> pula hanya memberi penekanan kepada konsep keuntungan firma biasa sahaja.

Jadi penulis merasakan amat perlu untuk melanjutkan kajian dan penyelidikan mengenai aspek-aspek keuntungan dengan mengaitkan sistem perbankan dwisistem di Malaysia dengan tumpuan kepada pengurusan aset dan liabiliti dalam konteks pengurusan jurang.

## **II. Kepentingan Kajian**

Kepentingan kajian berasaskan kepada keinginan bersalut rasa tanggungjawab untuk mengenalpasti konsep keuntungan dalam perbankan dwisistem. Ini menjelaskan bahawa konsep ini akan

dilihat menerusi perspektif perbankan konvensional yang menjalankan aktiviti perbankan dalam pasaran bebas dan mementingkan keuntungan maksimum. Kajian ini dilanjutkan dengan meneliti konsep keuntungan bank melalui perspektif perbankan Islam. Dengan kata lain, kajian ini mengutarakan pendekatan perbandingan. Secara mudahnya, pendekatan ini akan cuba membandingkan satu konsep dalam dua bentuk sistem perbankan.

Dalam konteks ini, penulis akan cuba mengenalpasti elemen-elemen yang mengisi konsep keuntungan, sekaligus membuat analisis batasan-batasan persamaan maupun perbezaan tanggapan terhadap konsep tersebut baik secara teori maupun praktikal. Penulis berharap akan dapat mengetengahkan konsep keuntungan perbankan dwi-sistem yang dinamik dan integrasi.

### **III. Objektif Kajian**

Kajian disertasi ini secara umumnya bertujuan untuk menghuraikan bagaimana penjanaaan keuntungan dalam perbankan Islam yang bersaing hebat dengan perbankan konvensional yang bermotifkan keuntungan semata-mata, dengan tumpuan kepada analisis terhadap strategi pengurusan aset dan liabiliti bank. Secara khusus pula, kajian ini bertujuan untuk:

- i. Memenuhi syarat kelayakan bagi penganugerahan Ijazah Sarjana Syariah
- ii. Meninjau perundangan Islam klasik dan kontemporari terhadap penjanaaan keuntungan dalam perbankan Islam

- iii. Mengkaji strategi pengurusan aset dan liabiliti di perbankan Islam dalam konteks pendekatan jurang
- iv. Mengenalpasti tahap-tahap margin keuntungan yang berpatutan dalam margin-margin keuntungan perbankan Islam dalam konteks perbandingan dengan margin faedah dalam perbankan konvensional
- v. Menyelidik keabsahan formulasi segmen-segmen dalam pengurusan aset-liabiliti perbankan Islam dalam pematuhan terhadap perundangan Islam
- vi. Mengenalpasti strategi dan sistematika dalam formulasi segmen-segmen dalam pengurusan aset-liabiliti perbankan Islam dalam pelbagai suasana kadar faedah semasa
- vii. Meninjau prospek pengurusan aset-liabiliti perbankan Islam dalam mendepani cabaran globalisasi
- viii. Menambahkan bahan rujukan Islam dalam bidang yang dikaji

#### **IV. Skop Kajian**

Dasar kajian tesis ini bersumberkan konsep keuntungan dalam Perbankan Dwi-Sistem di Malaysia, dengan tumpuan khusus kepada Pengurusan Aset dan Liabiliti bank dalam konteks pendekatan Analisis Jurang. Pendekatan ini sebenarnya menyentuh tingkat-tingkat kadar faedah pasaran yang boleh mempengaruhi margin faedah Sistem Perbankan Konvensional dan margin keuntungan Sistem Perbankan Islam.

Untuk itu, dengan mengemukakan tingkat-tingkat kadar faedah pasaran yang pelbagai sama ada meningkat, stabil maupun menurun, kajian ini mengenalpasti margin-margin keuntungan dalam kedua-dua sistem perbankan sama ada margin tersebut mengembang ataupun menyusut, ini bergantung kepada formulasi strategik segmen-segmen pengurusan aset-liabiliti bank.

Kajian ini tidak akan membincangkan tentang teori bunga (*riba*) kerana ia telah ditulis secara meluas oleh ramai sarjana. Antaranya ialah Abdel Moneim Mahmoud al-Gouse,<sup>24</sup> Shahrukh Rafi Khan,<sup>25</sup> Muhammad Abu Zuhrah,<sup>26</sup> Muhammad Isa Abduh,<sup>27</sup> Masud A. Abbasi,<sup>28</sup> M. Abu Saud,<sup>29</sup> Ziauddin Ahmad,<sup>30</sup> M.A. Chowdury,<sup>31</sup> dan Ziul Haque.<sup>32</sup>

## **V. Metodologi Kajian**

### **A. Metod Pengumpulan Data dan Fakta**

Kajian tesis ini menggunakan kaedah-kaedah pengumpulan data dan fakta yang popular iaitu *kaedah perpustakaan*, *kaedah dokumentasi* dan *kaedah internet*. Kaedah-kaedah ini diaplikasikan sepanjang proses penyelidikan.

Dalam proses *kaedah perpustakaan*, pengumpulan data dan fakta primer dan sekunder dilakukan menerusi penyelidikan dan pengkajian di beberapa buah perpustakaan seperti Perpustakaan Utama UM, Perpustakaan Peringatan Za'aba UM, Perpustakaan Undang-undang UM, Perpustakaan IPSP UM, Perpustakaan Awam Pusat Islam, Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Gombak dan Perpustakaan Negara.

Melalui *kaedah perpustakaan* ini, bahan kajian boleh didapati yang terdiri daripada buku, majalah, kertas kerja persidangan dan seminar, jurnal, akhbar, laporan-laporan, latihan ilmiah, tesis dan bahan-bahan bercetak yang relevan. Bagi memudahkan penyelidikan, penulis mengambil inisiatif dengan membuat pinjaman, membuat salinan perdua dan membuat catatan sendiri, bergantung kepada kepentingan dan keperluan bahan-bahan tersebut.

Manakala *kaedah dokumentasi* pula dilakukan apabila sesuatu bahan itu tidak terdapat di mana-mana perpustakaan. Kaedah dokumentasi ini memberi peluang kepada penulis untuk mendapatkan bahan-bahan kajian dari institusi-institusi yang berkaitan seperti Bank Negara Malaysia, Bank Islam Malaysia Berhad, Bank Muamalat, Malayan Banking Berhad dan BIMB Institute of Research and Training. Di samping itu, bahan-bahan kajian juga diperolehi daripada orang perseorangan yang merupakan penulis/pemilik asal bahan tersebut ataupun pemilik koleksi bahan bacaan berkenaan.

Bagi *kaedah internet* pula, penyelidikan dilakukan bagi mendapatkan bahan-bahan yang tidak ada di perpustakaan maupun institusi berkaitan dan orang-perseorangan. Kaedah internet ini membuka peluang kepada penulis untuk mendapatkan bahan-bahan yang sukar didapati terutamanya bahan dari luar negara seperti Dana Kewangan Antarabangsa (IMF), Bank Pembangunan Islam (IDB), Jurnal-jurnal Antarabangsa dan Institute of Islamic Banking and Insurance, London.

## **B. Metod Penganalisan Data dan Fakta**

Dalam proses penulisan tesis, bahan-bahan kajian yang terkumpul yang mengandungi data-data dan fakta-fakta dianalisis

menerusi *kaedah deduktif, komparatif dan penjadualan*, berdasarkan keperluan dan kepentingan dari bab ke bab yang lain dan seksyen demi seksyen.

*Kaedah deduktif* digunakan apabila menganalisis data-data dan fakta-fakta bagi tujuan pembuktian dan penghujahan yang bermula dengan pertimbangan umum dan hujah-hujah yang terbuka yang seterusnya disimpulkan kepada dalil-dalil yang khusus dan eksklusif.<sup>33</sup> Kaedah ini diaplikasikan di setiap bab terutamanya pada seksyen-seksyen pendahuluan, definisi dan pengistilahan.

*Kaedah komparatif* pula ialah cara membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan terhadap data-data yang diperolehi semasa penelitian dilakukan.<sup>34</sup> Kaedah ini kerap digunakan dalam kajian tesis ini secara langsung maupun tidak langsung. Kaedah ini diterapkan dalam bab 1 mengenai konsep asas keuntungan yang kemudiannya dibandingkan secara tidak langsung dengan bab 2 yang membicarakan keuntungan daripada perspektif Islam. Dalam bab 3, kaedah ini membahaskan secara langsung perbandingan perbankan dwi-sistem di Malaysia. Sementara bab 5 yang menyentuh falsafah dan strategi pengurusan bank dibandingkan secara tidak langsung dengan bab 6 yang menggarap pengurusan perbankan Islam.

*Kaedah penjadualan* pula berperanan bagi menjelaskan dengan lebih ketara intisari perbincangan dalam seksyen-seksyen tertentu, yang kemudiannya dizahirkan sama ada menerusi jadual, rajah ataupun formula matematik. Dalam kajian tesis ini terdapat 12 buah jadual, 17 buah rajah dan 12 formula matematik.

---

**Nota Hujung:**

- 1 Sila lihat **The Oxford English Reference Dictionary**, h. 47 dan 1154; **Kamus Ekonomi**, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1993, h. 266-267; dan **Dictionary of Economics**, Donald Rutherford Routledge, London, 1992, h. 369
- 2 Teuku Iskandar, **Kamus Dewan**, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1992, h. 835
- 3 **Ibid.**, h. 634
- 4 Joyce M. Hawkins, **Kamus Dwibahasa Oxford Fajar**, Fajar Bakti, Shah Alam, 2000, h. 306
- 5 **Encyclopedia Dictionary of Business Finance**, Cet. 5, Prentice Inc., Englewood Cliffs, N. J., 1967, h. 477
- 6 Abū al-Faḍl Jamāl al-Dīn Muḥammad b. Mukarram al-Ansarī Ibn Manzūr, **Lisān al-ʿArab**, Jil. 2, Dār Ṣādir, Beirut, h. 442. Lihat juga Majd al-Dīn Muḥammad b. Yaʿqūb al-Fayruzābādī, **al-Qamūs al-Muḥit**, Juz 1, Dār al-Fikr, Beirut, 1983, h. 239; dan Muḥammad Murṭadā al-Zābīdī, **Tāj al-ʿArūs**, Juz 6, Cet. 2, al-Maṭbaʿah al-Khāyriyyah, Mesir, 1306M, h. 279
- 7 Fuad al-Omar dan Muhammed Abdel-Haq, **Islamic Banking Theory, Practice & Challenges**, Oxford University Press, Kerachi, 1996, h. 21; Ziauddin Ahmad, **Concept and Model of Islamic Banking: An Assessment**, International Institute of Islamic Economics, Islamabad, 1984, h. 5; Abbas Mirakhor,

- 
- "Short-term Aset Concentration and Islamic Banking", Khan, Mohsin S. dan Mirakhor, Abbas (eds), **Theoretical Studies in Islamic Banking and Finance**, The Institute for Research and Islamic Studies, Texas, 1987, h. 185; 'Abd al-Samī' al-Miṣrī, **Al-Masraf al-Islāmi 'Ilmiyyan wa 'Amaliyyan**, Maktabah Wahbah, Kaherah, 1988, h. 9
- <sup>8</sup> Dr. 'Abd Allah b. Muḥammad b. Aḥmad al-Tayyār, **al-Bunūk al-Islāmiyyah Bayna al-Nazariyyah wa al-Tatbiq**, Cet. 2, Dār al-Want, Riyād, 1414H, h. 88
- <sup>9</sup> Lihat lihat **Majallah al-Bunūk al-Islāmiyyah**, Bil. 7, Dhu al-Qa' idah, 1399H, h. 22
- <sup>10</sup> Sila lihat Yusoff Hashim (ed.), **Hikayat Melayu atau Sulalat'us-Salatin**, Muhammad Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia, 1988; Tun Seri Lanang, **Sulalat al-Salatin**, Muhammad Haji Salleh (ed.), Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1997; Seperti dicatat dalam Syed Omar Syed Agil, **ibid.**, h. 22-24
- <sup>11</sup> Raja Ali Haji Raja Haji Ahmad, **Tuhfat al-Nafis**, Virginia Mathason Hooker (ed.), Yayasan Karyawan dan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1998; Seperti dicatat dalam Syed Omar Syed Agil, **ibid.**, h. 24-26
- <sup>12</sup> Lembaga Urusan Tabung Haji, **10 Tahun Tabung Haji, 1963 - 1974**, Utusan Melayu (Malaysia) Berhad, Kuala Lumpur, t.t., h. 12

- 
- <sup>13</sup> Anthony Rohlwink, *How Asset and Liability Management Improves Performance*, Bala Shanmugam dan Philip Bourke (eds.), **Management Issues for Financial Institutions**, AFM Scholarship & Publications Fund, University of New England, Armidale, N.S.W., 1988, h. 137
- <sup>14</sup> Gary Smith, **Money, Banking and Financial Intermediation**, D.C. Heath and Company, Lexington, Massachusetts, 1991, h. 405
- <sup>15</sup> D.M. Lamberton, **The Theory of Profit**, (Reprints of Economics Classic), A.M. Kelley, New York, 1965, h. 1
- <sup>16</sup> Volker Nienhaus, "Islamic Ecomics, Finance and Banking – Theory and Practice", Butterworths (eds.), **Islamic Banking and Finance**, Butterworths & Co. Ltd, London, 1986, h. 1-17
- <sup>17</sup> Volker Nienhaus, "Profitability of Islamic Banks Competing with Interest Bank", **Journal of Research in Islamic Economic**, Vol. 1, No. 1 (Summer), 1983, h. 37-47
- <sup>18</sup> Siddiqi, Muhammad Nejatullah, "Comments on Volker Nienhaus: Profitability of Islamic Banks Competing with Interest Banks", **Journal of Research in Islamic Economics**, Vol. 1, No. 1 (Summer), 1983, h. 63-65
- <sup>19</sup> Khan, Mohammad Fahim, "Comments on Volker Nienhaus: Profitability of Islamic Banks Competing with Interest Banks", **Journal of Research in Islamic Economics**, Vol. 1, No. 2 (Winter), 1983, h. 73-78

- 
- 20 Ahmad, Ziauddin, "Comments on Volker Nienhaus: Profitability of Islamic Banks Competing with Interest Bank", **Journal of Research in Islamic Economics**, Vol. 1, No. 1 (Summer), 1983, h. 66-68
- 21 Sudin Haron, "Competition and Other External Determinants of the Profitability of Islamic Banks", **Islamic Economic Studies**, Vol. 4, No. 1 (December 1996). Jeddah: Islamic Research and Training Institute, IDB, h. 49-64
- 22 Shamsiah Mohamad, **al-Ribh fi al-Fiqh al-Islami: Dawabituhu wa Tahdiduhu fi al-Mu'assasat al-Maliyah al-Mu'asarah**, Tesis Ph.D. University Jordan, Dar al-Nafa' is, Jordan, 2000
- 23 Fathiah bt Fathil, **Keuntungan Firma: Satu Kajian Perbandingan Antara Fahaman Kapitalisma dan Islam**, Latihan Ilmiah, Sarjana Muda Syariah Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1995
- 24 Abdel Moneim Mahmoud al-Gouse, **Riba Islamic Law and Interest**, Tesis Ph.D., Temple University, 1982
- 25 Shahrukh Rafi Khan, **Profit and Loss Sharing: Islamic Experiment in Finance and Banking**, Oxford University Press, Karachi, 1987
- 26 Muhammad Abu Zuhrah:  
i. **Buhūth fi al-Ribā**, Dar al-Buhūth al-ʿIlmiyah, 1980  
ii. **Tahrīm al-Ribā Tanzīm al-Iqtisādī**, Maktabah al-Manar, Kuwait, t.t.

- 
- 27 Muḥammad ʿIsa Abduh:  
i. **Bunuk Bilā Fawā'id**, Dār al-Fikr, Kaherah, 1970  
ii. **Al-Ribā wa Dawruhu fī Istighlāl Mawārid al-Syuʿub**, Dār al-Buhūth al-ʿIlmiyyah, Kuwait, 1969
- 28 Masud A. Abbasi, "Interest: An Economic Study on the Three Economic System", **Islamic Review**, London, March-April 1969, h. 28-32
- 29 M. Abu Saud, "Islamic View of Riba", **Islamic Review**, London, Februari 1957, h. 9-16
- 30 Ziauddin Ahmad, "The Theory of Riba", **Islamic Studies**, Islamabad, Winter 1978, h. 171-185
- 31 M.A. Chowdhury, "The Doctrine of Riba", **The Journal of Develoment Studies**, Vol. 2, Peshawar, 1979, h. 47-68
- 32 Ziaul Haque, "Riba, Interest and Profit", **Pakistan Economist**, 24 May 1980, h. 14-35, dan 31 May 1980, h. 13-30
- 33 Andrian D. De Groot, **Methodology Foundation and Influence and Research in the Behavioural Sciences**, Mountort Co., Belgium, 1960, h. 74
- 34 Gerald S. Forman dan Jade Levin, **Social Science Research**, John Wisley & Sons, USA, 1975, h. 79